

Pengemis jalanan kanak-kanak patut dibendung

Pernahkah anda didatangi kanak-kanak kecil atau pun remaja bawah umur menjual pelbagai barangan seperti kalendar, tisu, minyak wangi dan lain-lain? Hal ini dilihat berlaku di tempat awam seperti kawasan rehat umum, atau pun kedai makan, malah di pusat membeli-belah. Mengapa hal ini berlaku?

Sebenarnya ada orang tengah yang menjadi dalang dan yang memainkan peranan utama dalam mengeksploitasi kanak-kanak serta remaja itu. Pendekatan mereka sungguh mudah iaitu melalui belas ihsan. Sukar untuk kita tuduh mereka mengemis sedangkan mereka hanya menjual barang.

Negara dikhuatiri akan menyaksikan pertambahan bilangan pengemis kanak-kanak serta remaja dan pengemis jalanan jika tiada langkah penguatkuasaan berterusan diambil oleh pihak berwajib. Kanak-kanak serta remaja terbabit digunakan secara paksa sebagai pengemis di beberapa kawasan seperti tepi jalan, pusat beli-belah dan bazar Ramadan yang menjadi tumpuan orang ramai berbelanja.

Kanak-kanak dan remaja terbabit juga mempunyai hak perlindungan daripada dieksploitasi seperti orang dewasa. Di samping itu mereka mempunyai hak untuk dilindungi daripada menghadapi sebarang kemudaratan. Pelbagai undang-undang telah sedia wujud di Malaysia untuk mengatasi masalah terbabit. Akta Kanak-

Kanak 2001 (Akta 611) misalnya telah berkuat kuasa pada 1 Ogos 2002 untuk melindungi mereka.

Akta 611 mendefinisikan kanak-

kanak dalam seksyen 2 sebagai seseorang yang di bawah umur 18 tahun. Oleh itu, Akta 611 terbabit terpakai kepada semua kanak-kanak serta remaja yang berumur di bawah 18 tahun. Penggunaan kanak-kanak atau remaja sebagai pengemis bukanlah satu fenomena yang baharu kerana banyak tempat, terutama di kawasan bandar, kanak-kanak atau golongan remaja terbabit digunakan untuk mengemis atau menjaja termasuk ketika Ramadan.

Jaja di tepi jalan tidak hirau bahaya

Perkara yang sama juga berlaku di negara jiran. Kanak-kanak serta remaja digunakan untuk menjaja di tepi jalan tanpa menghiraukan bahaya kepada diri mereka. Ada juga keadaan di mana kanak-kanak serta remaja digunakan bagi memungut derma atas pelbagai tujuan. Menyedari perlakuan ini adalah sangat berbahaya kepada keselamatan dan kesejahteraan kanak-kanak serta remaja, satu peruntukan yang khusus telah pun dimasukkan dalam Akta 611 itu.

Seksyen 32 Akta 611 memperuntukkan bahawa mana-mana orang termasuk ibu bapa atau penjaga yang menyebabkan atau mengakibatkan mana-mana kanak-kanak atau remaja mengemis atau meminta sedekah dengan cara menyanyi, bermain, membuat persembahan atau menawarkan apa-apa untuk jualan atau menjalankan perniagaan yang menyalahi undang-undang seperti

loteri haram, perjudian atau lain-lain aktiviti memudaratkan kesihatan dan kebajikan kanak-kanak itu adalah melakukan kesalahan dan jika disabitkan, boleh didenda tidak melebihi RM5,000 atau dipenjarakan

tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Tindakan mengemis yang dilakukan oleh kanak-kanak atau pun golongan remaja juga boleh menjadi satu kesalahan Syariah di bawah Enakmen Kesalahan Syariah Negeri. Di Melaka, Seksyen 89 Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991 memperuntukkan bahawa sesiapa yang membuat atau mengambil bahagian di dalam sesuatu pungutan yang berlawanan dengan Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Negeri Melaka) 1991 itu melakukan kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM2,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lapan

belas bulan atau kedua-duanya sekali dan mahkamah hendaklah memerintahkan supaya semua wang pungutan dirampas dan dimasukkan ke dalam Baitulmal.

Pihak berkuasa berwajib seperti polis, pihak Majlis Perbandaran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Kebajikan Malaysia (JKM), Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat (KPWK) hendaklah bekerjasama bagi membanterasnya.

Masyarakat juga boleh memainkan peranan penting bagi membanteras isu penganiayaan kanak-kanak serta remaja dengan memberi maklumat serta melaporkan segera kepada pihak berwajib.

Dr Muzaffar Syah Mallow,

Penyarah Kanan,
Fakulti Syariah & Undang-Undang,
Universiti Sains Islam Malaysia